

SOALAN NO: 64

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**  
**RUJUKAN : BL1 [PR-1352-T00637]**  
**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan latar belakang pemaju baru yang dilantik untuk memajukan projek River of Life, berapakah kos projek dan bilakah dijangka siap.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Projek *EPP5: River of Life (RoL)* di bawah *NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* telah bermula dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Tahun 2011 yang terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah.

Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek *RoL* sehingga 15 Julai 2017, telah mencatat kemajuan sebanyak **71.0%**.

Projek *RoL* melibatkan **83 pakej** di mana sebanyak **57 pakej telah siap** dilaksanakan manakala **26 pakej sedang dalam pelaksanaan** dan dijangka siap secara berperingkat sehingga Tahun 2020.

Siling keseluruhan projek *RoL* adalah **RM 4.2 bilion** dan penyaluran peruntukan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi pelaksanaan projek *RoL* dari tahun 2012 hingga 15 Julai 2017 adalah **RM2.43 bilion**. Perbelanjaan sehingga kini adalah sebanyak **RM 2.27 bilion** dan perincian mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
Perincian Peruntukan dan Perbelanjaan untuk Projek RoL Mengikut Tahun  
dari Tahun 2012 hingga Tahun 2017

Tahun	Peruntukan Projek (RM)	Perbelanjaan Projek (RM)
2012	526,292,371.41	517,959,141.12
2013	426,526,158.00	424,933,939.00
2014	303,661,300.00	303,661,300.00
2015	257,158,000.00	257,158,000.00
2016	498,140,800.00	497,980,256.57
2017 (sehingga 15 Julai 2017)	420,434,600.00	267,677,669.87
<b>Jumlah</b>	<b>2,432,213,229.41</b>	<b>2,269,370,306.56</b>

Bagi Komponen Pengindahan Sungai Fasa 1: Presint 7 Projek RoL di kawasan sepanjang sungai di sekitar Masjid Jamek sehingga ke Daya Bumi, kawasan ini telah dibuka secara berperingkat mulai 15 April 2017 dan dijangkakan siap sepenuhnya pada tahun ini. Setakat 15 Julai 2017, peratus kemajuan kerja di tapak ialah 97.7% dan perbelanjaan pelaksanaan Komponen Pengindahan Sungai Fasa 1: Presint 7 Projek RoL adalah **RM 74.07 juta**.

Pelaksanaan Projek RoL melibatkan beberapa pemaju yang dilantik secara **tender terbuka** yang mempunyai *track record* baik dalam bidang kejuruteraan awam, air dan mekanikal.

Pemaju yang baru dilantik untuk pelaksanaan pakej – pakej di bawah Komponen Pengindahan Sungai Fasa 2 : Projek RoL adalah Ekoriver Construction Sdn. Bhd. dan Azza Mewah Sdn. Bhd..

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan dengan melaksanakan pemantauan secara berkala dan menetapkan *key performance indicator* (KPI) sebagai sasaran yang perlu dicapai oleh Agensi Pelaksana.